

Hayati kemeriahahan Syawal

UB 6.8.2014 B3



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaitonmohamad@yahoo.com

ALHAMDULILLAH

syukur kepada Allah kerana masih berkesempatan untuk menyambut 1 Syawal pada tahun ini. Walaupun dalam suasana yang serba kesederhanaan dalam menjalani ibadat berpuasa pada bulan Ramadan, namun sebagai seorang muslim persiapan raya perlu juga dititikberatkan. Keadaan ini disebabkan 1 Syawal merupakan tanda kemenangan semua Umat Islam dalam berjaya mengekang hawa nafsu selama sebulan. Oleh sebab itu ia wajib disambut oleh semua umat Islam dan haram berpuasa pada hari berkenaan.

Namun begitu sambutannya bergantung kepada kemampuan seseorang individu terabit sama ada bersederhana mahupun bermewah-mewahan. Sempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri ramai yang mengambil peluang untuk beraya di kampung halaman masing-masing kerana pertemuan bersama ahli keluarga akan lebih menghidupkan suasana yang ceria.

Bagi yang tidak sempat pulang ke kampung halaman mungkin pada minggu kedua Syawal sudah ada kelapangan masa, baliklah segera menziarahi sanak saudara dan sahabat handai dan jangan juga dilupakan untuk menjenguk pusara-pusara orang yang disayangi. Al-maklumlah apabila berada di perantauan sudah tentu pusara jarang dijenguk dan tidak terjaga. Menziarahi pusara juga perlu mengikut adab-adabnya.

Walaupun amalan menziarahi dan membersihkan pusara amalan mulia namun ada juga sesetengah individu sanggup ‘berselfie’ di tempat berkenaan kerana ingin berkongsi dengan rakan-rakan yang lain. Tingkah laku sedemikian tidak sopan dan

sesuai dengan amalan agama Islam dan budaya masyarakat. Apatah lagi membawa dan bermain mercun serta bunga api di kawasan perkuburan. Perbuatan itu dianggap biadap dan menjasaskan imej agama Islam apatah lagi di saat pelawat-pelawat yang lain sedang bertafakur, berdoa dan membaca al-Quran. Seharusnya seseorang individu menghormati individu yang lain.

Apatah lagi selama sebulan semua umat Islam telah dilatih untuk menahan hawa nafsu, menahan diri dari lapar dan dahaga. Sewajarnya menziarahi pusara akan menimbulkan keinsafan yang mendalam bahawa sehebat mana sekalipun di dunia, pusara juga menjadi persinggahan yang terakhir dan wajib dilalui oleh semua manusia.

Oleh yang demikian sambutan Aidilfitri pada bulan Syawal ini adalah platform yang terbaik untuk bermaaf-maafan antara satu sama lain. Namun sejauh mana kemaafan itu diberikan sama ada ikhlas ataupun dipaksa bergantung kepada seseorang individu. Bagaimanapun hal yang demikian perlu dititikberatkan kerana setiap orang tidak sama corak pemikirannya. Justeru itu dalam pergaulan sehari-hari dengan rakan-rakan, sanak saudara, jiran tetangga perlu dijaga dari sudut tutur kata, tingkah laku, pergaulan dan sebagainya kerana ada insan yang sukar untuk memberikan kemaafan pada orang lain. Lantaran itu jadilah insan berkualiti pergaulannya dan hebat komunikasinya supaya dihormati oleh orang-orang yang berada di persekitarannya.

Tambahan pula kalau tidak ada rumah terbuka maka tidak meriah sambutan hari raya. Oleh yang demikian sudah tentu pelbagai juadah yang disediakan. Maka gunakanlah peluang menghadiri rumah terbuka berkenaan untuk menjalankan silaturahim antara

satu sama lain. Jangan pula dilupakan untuk mengamalkan 5S iaitu salam, sapa, senyum, sedekah dan silaturahim.

Dalam hal ini 5S itu akan dapat mengeratkan ukhuwah antara tetamu yang hadir. Simpan seketika alat-alat komunikasi daripada terus berselfie kerana tujuan menghadiri rumah terbuka adalah untuk berkomunikasi secara terbuka, penuh emosi dalam bertutur kata. Selain daripada itu adab-adab bertandang juga perlu dijaga, kalau berborak jaga tutur kata dan adab sopan, jangan sampai bergelak sakan sehingga mengganggu tetamu-tetamu yang lain. Maka bermanis muka adalah dituntut untuk menjalinkan persahabatan dengan tetamu-tetamu yang lain. Di samping itu juga sekiranya tuan rumah mempunyai anak-anak maka jangan lokek untuk menghulurkan duit raya. Sudah tentu akan menambahkan keceriaan kepada anak-anaknya.

Tambahan pula fesyen berpakaian juga perlu sesuai dengan situasi. Ada sesetengah tetamu yang bertandang di rumah dengan hanya berseluuar pendek, berpakaian ketat, menjolok mata dan sebagainya. Keadaan itu akan memberikan imej yang kurang sesuai dan memberikan ketidakselesaan kepada tetamu yang lain dan menyebabkan tuan rumah juga serba salah.

Justeru itu sekiranya ingin menghadiri rumah terbuka kawan-kawan, jiran-jiran dan sebagainya perlu mengambil berat mengenai fesyen berpakaian supaya tidak mencacatkan majlis orang lain. Jangan dek kerana inginkan kelainan dan mencari publisiti murahan maka gaya fesyen boleh merosakkan imej diri. Oleh yang demikian pilihlah fesyen yang sesuai dengan sesuatu majlis.

* Penulis adalah Pegawai Psikologi Kanan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS